

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(A)40

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

40. Apakah sektor-sektor ekonomi dan perniagaan yang paling terjejas oleh Perintah Kawalan Pergerakan di Pulau Pinang?
- (a) Apakah langkah-langkah tambahan yang harus diambil oleh Kerajaan Pusat untuk melindungi pekerjaan dan membaik pulih sektor-sektor ini di Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

40. Penularan wabak COVID-19 telah menyebabkan Kerajaan Persekutuan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac sehingga 14 April 2020. Bagi negeri Pulau Pinang, kesan yang dialami oleh sektor-sektor ekonomi adalah berdasarkan pengoperasian perkhidmatan *essential* dan *non-essential* yang telah digariskan oleh Kerajaan Persekutuan.

Dijangkakan sektor perkhidmatan mengalami kesan yang paling ketara memandangkan aktiviti-aktiviti perkhidmatan penginapan, industri makanan dan minuman, pengangkutan serta peruncitan dan perdagangan mengalami pergerakan yang

perlahan akibat wabak COVID-19. Sektor pembinaan juga dijangka mengalami pertumbuhan perlahan akibat kemelesetan ekonomi secara am. Bagi sektor pembuatan pula dijangka akan bertumbuh pada kadar yang lebih perlahan dan melibatkan syarikat-syarikat yang menghasilkan peralatan perubatan serta komponen-komponen berkaitan. Sebaliknya, sektor pertanian dijangka akan mengalami pertumbuhan yang stabil berikutan peningkatan dalam permintaan tempatan.

- (a) Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) pada 24 Mac 2020 berjumlah RM250 bilion untuk disalurkan kepada semua sektor awam dan swasta yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Lanjutan daripada itu, Kerajaan Persekutuan pada 6 April 2020 telah mengumumkan Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) berjumlah RM10 bilion bagi membantu meringankan beban kewangan PKS dan seterusnya membantu kelangsungan perniagaan (*business continuity*)

Selain daripada bantuan PRIHATIN tersebut, pihak Kerajaan Persekutuan perlu meneliti kemungkinan untuk memberi pengurangan cukai sementara bagi majikan dan *startup entrepreneurs* bagi memastikan aliran tunai majikan dapat menampung pendapatan sifar sepanjang tempoh PKP serta menampung gaji pekerja masing-masing. Pengurangan cukai pendapatan sementara untuk pekerja pula dapat meningkatkan *disposable income* bagi menggalakkan aliran tunai dalam pasaran masih berterusan selepas tempoh PKP.